

Faktor yang Mempengaruhi Efikasi Kendiri Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah

Rodhiana Rosli^{1*}, Siti Eshah Mokhsein² & Zahari Suppian³

¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, 21030 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia

^{2,3} Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

ABSTRAK

Kebanyakan negara melaksanakan pentaksiran bilik darjah sebagai usaha untuk mengubah sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan kepada amalan pendidikan yang memberi tumpuan terhadap perkembangan pembelajaran murid. Sebilangan pengkaji percaya, pentaksiran bilik darjah merupakan kaedah yang paling berkesan untuk mempengaruhi pembelajaran murid dan pengajaran guru. Namun begitu, arahan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah yang dikeluarkan dalam waktu yang singkat menyebabkan timbul persoalan berkaitan efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. Kertas konsep ini membincangkan sorotan kajian-kajian lepas terutamanya berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang boleh mempengaruhi efikasi kendiri guru dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Hasilnya, faktor seperti latihan, bimbingan, pengetahuan, kemahiran, keyakinan, pengalaman, maklum balas murid, dan autonomi guru telah terbukti mempengaruhi efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Faktor-faktor tersebut perlu diberi perhatian supaya efikasi kendiri guru dapat ditingkatkan khususnya dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. Justeru, terdapat keperluan untuk melaksanakan kajian yang lebih mendalam seperti pembinaan instrumen yang dapat mengukur efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah.

Kata Kunci: Efikasi Kendiri Guru, Pentaksiran Bilik Darjah, Faktor-Faktor, Sekolah Rendah

ABSTRACT

Many countries implement classroom assessment to shift from examination-based education to educational practices that emphasize student learning development. According to some researchers, classroom assessment is the most effective way to affect students' learning and teachers' teaching. However, teachers' efficacy in conducting classroom assessment in primary schools has been questioned since issues in implementing classroom assessment in primary schools are rapidly increasing. This concept paper reviews previous research findings, focusing on characteristics that influence teachers' efficacy when it comes to implementing classroom assessment. This research was conducted to identify factors that may influence teachers' efficacy by using a qualitative method. As a result, training, supervision, knowledge, skills, confidence, experience, student feedback, and teachers' autonomy have been identified as factors that influenced a teacher's efficacy in implementing classroom assessments. These issues must be addressed to improve teachers' efficacy, particularly in implementing classroom assessment in primary schools. As a result, more in-depth research is required, such as developing instruments to assess teachers' efficacy in implementing classroom assessment in primary schools.

Keywords: Teachers' Efficacy, Classroom Assessment, Factors, Primary Schools

PENDAHULUAN

Selaras dengan hasrat untuk mewujudkan pendidikan berkualiti, guru selaku pelaksana agenda pendidikan perlu memiliki keupayaan dalam melaksanakan tugas-tugas pengajaran termasuklah dalam tugas mentaksir pembelajaran murid. Ini kerana, hasrat untuk mewujudkan pendidikan berkualiti bukan hanya menjadi matlamat di peringkat nasional tetapi juga di peringkat antarabangsa. Buktinya, pernyataan hasrat untuk mewujudkan pendidikan berkualiti dinyatakan sebagai SDG4 dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Anjakan 1

* Corresponding author: rodhiana@ipgm.edu.my

eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Nurul Aliah Farisha Jamaludin et al., 2019; Siti Eshah Mokhsein, 2018). Bagi merealisasikan hasrat mewujudkan pendidikan berkualiti, guru perlu berupaya menyampaikan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian kepada murid agar pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dapat diaplikasikan dalam situasi sebenar (Giangrande et al., 2019) sepertimana yang dinyatakan dalam SDG4 dan PPPM 2013-2025.

Keupayaan guru dalam menyampaikan pengetahuan dan kemahiran yang menepati keperluan murid mempunyai kaitan dengan efikasi sendiri guru. Secara umumnya, efikasi sendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka melaksanakan tugas-tugas pengajaran (Baharuzaini et al., 2017; Bruun & Evans, 2020; Hoi et al., 2017). Selain itu, efikasi sendiri guru juga menjadi petunjuk tentang keyakinan guru dalam melaksanakan tugas (Bruun & Evans, 2020; Mohd Zainal Abidin Che Mood et al., 2017; Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Oleh sebab tugas mentaksir pembelajaran murid merupakan sebahagian daripada tugas pengajaran (Perera et al., 2019), efikasi sendiri guru dalam pentaksiran perlu diberi perhatian. Dalam konteks pentaksiran, efikasi sendiri guru dinyatakan sebagai keyakinan guru terhadap keupayaan mereka melaksanakan tindakan yang sesuai untuk mentaksir pembelajaran murid (Bruun & Evans, 2020; Green, 2019). Ini bererti, efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran perlu diberi tumpuan bagi memastikan proses pentaksiran dilaksanakan dengan berkesan.

Efikasi sendiri guru telah terbukti memberi kesan kepada kualiti pendidikan negara kerana guru dengan efikasi sendiri yang tinggi akan berusaha meningkatkan komitmen bagi menambah baik kualiti pendidikan di Malaysia (Nor Hazizah Julaihi et al., 2019). Selain itu, efikasi sendiri guru yang tinggi juga menjadikan guru lebih bersedia untuk menerima setiap pembaharuan dalam sistem pendidikan. Guru dengan efikasi sendiri yang tinggi juga tidak mempunyai masalah untuk meneroka ilmu baharu bagi meningkatkan kemahiran dalam mempelbagaikan pendekatan pengajaran untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid (Aswaniza Shamsudin & Rosadah Abd Majid, 2018; Ling et al., 2019). Ini menunjukkan efikasi sendiri guru sangat penting dalam membantu guru menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan dalam sistem pendidikan dan meningkatkan komitmen melaksanakan tugas-tugas pengajaran termasuklah tugas mentaksir pembelajaran murid.

Walaupun terdapat ramai pengkaji yang menjalankan kajian berkaitan efikasi sendiri guru, kajian berkaitan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran khususnya PBD masih kurang (Green, 2019) dilaksanakan oleh pengkaji lepas. Artikel ini cuba mengisi jurang pemahaman hubung kait antara efikasi sendiri guru dengan amalan pelaksanaan pentaksiran khususnya pentaksiran bilik darjah (PBD). Artikel ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang boleh mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran khususnya PBD. Ini kerana, tahap efikasi sendiri guru tidak selamanya konsisten dan berubah-ubah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan (Bruun & Evans, 2020). Guru memerlukan dorongan bagi memastikan efikasi sendiri dapat meningkatkan keyakinan guru terhadap keupayaan melakukan perubahan sesuai dengan arahan terkini.

Dalam konteks kajian di dalam negara, kajian berkaitan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran sukar ditemui. Tambahan pula, pelaksanaan PBD di peringkat sekolah rendah masih baharu iaitu bermula tahun 2019. Namun begitu, kajian berkaitan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran telah menjadi perhatian ramai pengkaji luar negara. Efikasi sendiri guru dikatakan mampu menjadi peramal terhadap kesediaan guru untuk melaksanakan pentaksiran dan dapat membimbing mereka melaksanakan tindakan yang tepat dalam memastikan wujudnya perkembangan pembelajaran bagi setiap murid (Dixon, & Hawe, 2018; Green, 2019; Hartell, 2018; Koloi-Keaikitse, 2017; Yan & Cheng, 2015).

Kajian lepas juga membuktikan terdapat hubungan yang positif antara efikasi sendiri guru dengan pencapaian murid (Bilican-Demir, 2021). Selain itu, efikasi sendiri guru juga didapati menjadi penentu terhadap keberkesanan pelaksanaan dasar baharu (Kahveci, 2018). Oleh sebab, pelaksanaan PBD di sekolah rendah di Malaysia merupakan arahan terbaharu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berdasarkan Surat Siaran KPM Bil.14/2018 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019), efikasi sendiri guru perlu dikenal pasti dan kajian untuk mengenal pasti efikasi sendiri guru dalam melaksanakan PBD wajar dilakukan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan PBD di sekolah rendah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan kaedah analisis dokumen sebagai reka bentuk kajian. Pandangan Ellis dan Haugan (1997) turut diambil kira dalam melaksanakan kajian ini yang mana kaedah berbeza digunakan untuk mendapatkan artikel yang berkaitan iaitu melalui carian di pangkalan data dan juga mesin pencari. Pangkalan data yang digunakan ialah *Scopus*, *Science Direct* dan *Springer*. Google Scholar pula dipilih sebagai mesin pencari untuk mendapatkan data sokongan serta artikel tambahan. Pencarian artikel dilakukan menggunakan beberapa gabungan kata kunci seperti “teachers’ efficacy” AND “classroom

assessment”, “teachers’ efficacy assessment” AND “factor”.

Sepanjang pencarian artikel ini, terdapat beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu, artikel mestilah (i) diterbitkan dari tahun 2019 hingga 2021; (ii) berkaitan bidang kajian efikasi sendiri guru peringkat sekolah; (iii) berkaitan bidang kajian pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah; (iv) lengkap (*full-text*); dan (v) mempunyai data empirikal. Berdasarkan carian yang telah dibuat, terdapat 52 artikel yang berkaitan telah ditemui. Namun begitu, hanya 11 artikel memenuhi kriteria yang telah ditetapkan sepertimana jadual 1.

JADUAL 1
Kajian Lepas Berkaitan Faktor yang Mempengaruhi Efikasi Kendiri Guru

Bil.	Penulis & Tahun	Tajuk	Reka Bentuk	Sampel
1	Alibakhshi et al. (2020)	Exploring the consequences of teachers' self-efficacy: A case of teachers of English as a foreign language	Inkuiri fenomena	20 orang guru
2	Baez-Hernandez (2019)	Impact of instructional alignment workshop on teachers' experience with and beliefs on state standards	Tinjauan	41 orang guru
3	Bruun & Evans (2020)	Network analysis of survey data to identify non-homogeneous teacher self-efficacy development in using formative assessment strategies	Eksperimen	101 orang guru
4	Calkins et al. (2021)	Renewed purposes for social studies teacher preparation: An analysis of teacher self-efficacy and initial teacher education	Tinjauan	240 orang guru
5	Choi et al. (2019)	How does learner-centered education affect teacher self-efficacy? The case of project-based learning in Korea	Kuasi eksperimen	139 orang guru
6	Değirmencioğlu (2021)	The impact of teacher self-efficacy on teaching techniques: Traditional or contemporary?	Tinjauan	64 orang guru
7	Dudek et al. (2020)	Improving universal classroom practices through teacher formative assessment and coaching	Pemerhatian	32 orang guru
8	Gotch & McLean (2019)	Teacher outcomes from a statewide initiative to build assessment literacy	Tinjauan	144 orang guru
9	Iftikhar Ahmad & Rafaqat Ali Akbar (2020)	Examining relationship between self-efficacy beliefs of elementary level English teachers and their implementation practices of formative assessment in Punjab	Tinjauan	576 orang guru
10	Jonglai et al. (2021)	Formative assessment: The Malaysian English language primary school teachers' pedagogical beliefs and values	Temu bual, pemerhatian	3 orang guru
11	Xiang et al. (2020)	Teachers' self-efficacy and formative assessment of students: Moderating role of school goal structure	Tinjauan	507 orang guru

DAPATAN

Dapatan kajian dibincangkan bagi memenuhi objektif pelaksanaan kajian iaitu mengenal pasti faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan PBD. Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan melalui analisis terhadap kajian lepas, sukar untuk menemukan kajian berkaitan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan PBD di Malaysia. Begitu juga dalam kalangan pengkaji luar negara, kajian yang benar-benar berfokus kepada efikasi sendiri guru dalam melaksanakan PBD sukar ditemui. Kebanyakan kajian yang ditemui memberi tumpuan terhadap aspek efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran formatif. Oleh kerana, pentaksiran formatif merupakan sebahagian daripada PBD maka, dapatan kajian tersebut sesuai untuk dijadikan data bagi memenuhi objektif kajian ini.

Berdasarkan jadual 2, pengkaji lepas telah membuktikan terdapat lapan faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran. Faktor pertama ialah faktor latihan yang mana tiga pengkaji mendapati latihan pembangunan profesional khususnya latihan dalam aspek pentaksiran memberi kesan terhadap efikasi sendiri guru (Baez-Hernandez, 2019; Gotch & McLean, 2019; Xiang et al., 2020). Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji tersebut mendapati, guru yang diberikan latihan yang bersesuaian memiliki

efikasi sendiri yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran. Seterusnya faktor kedua yang berjaya dikenal pasti oleh Dudek et al. (2020) dan Xiang et al. (2020) ialah bimbingan. Kedua-dua pengkaji ini mendapati, efikasi sendiri guru yang mendapat bimbingan daripada jurulatih atau pembimbing instruksional lebih tinggi daripada guru yang tidak dibimbing. Menerusi bimbingan, pelaksanaan pentaksiran menjadi lebih berkesan kerana guru percaya dengan keupayaan diri mereka untuk mengatur tindakan yang tepat bagi mentaksir pembelajaran murid.

Faktor ketiga pula ialah faktor pengetahuan yang turut menyumbang kepada peningkatan tahap efikasi sendiri guru (Bruun & Evans, 2020; Jonglai et al., 2021). Selain pengetahuan, Bruun dan Evans (2020) turut mendapati faktor keempat iaitu faktor kemahiran juga memberi kesan terhadap efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran sama seperti dapatan oleh Calkins et al. (2021). Faktor kelima pula iaitu faktor keyakinan didapati mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran sebagaimana dapatan oleh Bruun dan Evans (2020) serta Iftikhar Ahmad dan Rafaqat Ali Akbar (2020). Selain itu, Calkins et al. (2021) mendapati bukan hanya membuktikan faktor kemahiran sahaja mempengaruhi efikasi sendiri guru tetapi Calkins et al. (2021) turut membuktikan wujudnya faktor keenam iaitu faktor pengalaman yang dapat mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran sama seperti dapatan kajian Değirmencioğlu (2021). Faktor ketujuh iaitu maklum balas murid pula dibuktikan oleh Choi et al. (2019) sebagai faktor yang dapat mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran. Faktor terakhir pula ialah autonomi guru dibuktikan oleh Alibakhshi et al. (2020) sebagai faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran.

JADUAL 2

Faktor yang Mempengaruhi Efikasi Kendiri Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran

Bil.	Faktor	Kekerapan	Pengkaji (Tahun)
1	Latihan	3	Baez-Hernandez (2019); Gotch & McLean (2019); Xiang et al. (2020)
2	Bimbingan	2	Dudek et al. (2020); Xiang et al. (2020)
3	Pengetahuan	2	Bruun & Evans (2020); Jonglai et al. (2021)
4	Kemahiran	2	Bruun & Evans (2020); Calkins et al. (2021)
5	Keyakinan	2	Bruun & Evans (2020); Iftikhar Ahmad & Rafaqat Ali Akbar (2020)
6	Pengalaman	2	Calkins et al. (2021); Değirmencioğlu (2021)
7	Maklum balas murid	1	Choi et al. (2019)
8	Autonomi guru	1	Alibakhshi et al. (2020)

PERBINCANGAN

Pentaksiran merupakan proses penting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan perkembangan pembelajaran murid dapat dikenal pasti. Tambahan pula, pendidikan masa kini telah mula melalui proses transformasi daripada berorientasikan peperiksaan kepada tumpuan terhadap perkembangan pembelajaran murid. Bagi menjayakan perubahan yang dihasratkan, efikasi sendiri guru menjadi aspek penting yang dapat menentukan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran (Green, 2019; Melo et al., 2020). Malah, efikasi sendiri guru tidak boleh dipandang ringan kerana efikasi sendiri guru merupakan kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka untuk melakukan tugas-tugas pengajaran termasuklah tugas pentaksiran (Bandura, 1997). Tambahan pula, efikasi sendiri guru tidak selamanya konsisten dan boleh berubah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan (Bruun & Evans, 2020).

Berdasarkan literatur sedia ada, terdapat lapan faktor yang boleh mempengaruhi efikasi sendiri guru. Biarpun faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran banyak dikemukakan oleh pengkaji luar negara, pihak berwajib termasuk guru boleh menjadikan bukti tersebut sebagai panduan untuk membuat refleksi sendiri dan menyesuainya dengan situasi semasa. Faktor-faktor yang telah dikenal pasti juga perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib bagi membantu guru meningkatkan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pentaksiran sekali gus dapat menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan pentaksiran iaitu PBD.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini hanya berfokus kepada sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas yang dijalankan mulai tahun 2019 hingga 2021 sahaja sesuai dengan pelaksanaan PBD di sekolah rendah yang dikuatkuasakan mulai tahun 2019. Pencarian maklumat pula hanya melibatkan empat pangkalan data iaitu *Scopus*, *Science Direct*, *Springer* dan *Google Scholar*. Selain itu, kajian-kajian yang dipilih juga terhad kepada kajian berkaitan bidang kajian

efikasi sendiri guru peringkat sekolah, bidang kajian pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah, artikel yang lengkap (*full-text*) dan mempunyai data empirikal.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti latihan, bimbingan, pengetahuan, kemahiran, keyakinan, pengalaman, maklum balas murid dan autonomi guru memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada peningkatan efikasi sendiri guru. Justeru itu semua pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah perlu mengambil inisiatif dan langkah proaktif dengan merangka dan melaksanakan program-program latihan pembangunan profesionalisme secara berterusan dalam usaha meningkatkan efikasi sendiri dalam kalangan guru.

Para penyelidik juga boleh mengambil inisiatif untuk meneliti dan mengkaji serta melihat faktor atau pemboleh ubah lain yang menyumbang kepada efikasi sendiri guru khususnya terhadap pelaksanaan PBD. Sebagai contoh, penyelidik boleh membina instrumen yang memenuhi ciri-ciri psikometrik agar dapat mengukur dan menentukan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi efikasi sendiri guru dengan lebih tepat.

RUJUKAN

- Alibakhshi, G., Nikdel, F., & Labbafi, A. (2020). Exploring the consequences of teachers' self-efficacy: a case of teachers of English as a foreign language. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 5(1), 1-20. <https://doi.org/10.1186/s40862-020-00102-1>
- Aswaniza Shamsudin, & Rosadah Abd Majid. (2018). Efikasi sendiri guru sekolah dalam hospital di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(3), 20–28.
- Baez-Hernandez, R. A. (2019). Impact of instructional alignment workshop on teachers' experience with and beliefs on state standards. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 18(1), 104-114. <https://doi.org/10.26803/ijlter.18.1.8>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019). *Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah* (Edisi Ke-2). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Baharuzaini Baharin, Muhammad Hisham Adnan, Mohd Hanif Mohd Zin, Mohd Norhisyam Kamaludin, & Azlin Norhaini Mansor. (2017). Gaya kepimpinan guru besar dan tahap efikasi guru. *Journal of Personalized Learning*, 2(1), 9–17. <http://spaj.ukm.my/jplearning/index.php/jplearning/article/view/38/63>
- Bandura, A. (1997). Theoretical perspectives: the nature of human agency. In *Self-efficacy: The exercise of control* (p. 3). https://doi.org/10.1007/SpringerReference_223312
- Bilican-Demir, S. (2021). The characteristics of teachers in effective schools: a secondary analysis of TALIS. *International Online Journal of Education and Teaching (IOJET)*, 8(1). 525-545.
- Bruun, J. & Evans, R. H. (2020). Network analysis of survey data to identify non-homogeneous teacher self-efficacy development in using formative assessment strategies. *Education Sciences*, 10(3), 1–20. <https://doi.org/10.3390/educsci10030054>
- Calkins, L., Yoder, P. J., & Wiens, P. (2021). Renewed purposes for social studies teacher preparation: an analysis of teacher self- efficacy and initial teacher education. *Journal of Social Studies Education Research*, 12(2), 54-77.
- Choi, J., Lee, J. H., & Kim, B. (2019). How does learner-centered education affect teacher self-efficacy? The case of project-based learning in Korea. *Teaching and Teacher Education*, 85, 45-57. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2019.05.005>
- Değirmencioglu, Ü. L. (2021). The impact of teacher self-efficacy on teaching techniques: traditional or contemporary? *European Journal of English Language Teaching*, 6(3), 201-216. <https://doi.org/10.46827/ejel.v6i3.3662>
- Dixon, H., & Hawe, E. (2018). Developing assessment-capable teachers through engagement in assessment for learning (AfL): a New Zealand study. In *Teacher Learning with Classroom Assessment* (pp. 1–20). Springer Singapore. <https://doi.org/10.1007/978-981-10-9053-0>
- Dudek, C. M., Reddy, L. A., Lekwa, A., Hua, A. N., & Fabiano, G. A. (2019). Improving universal classroom practices through teacher formative assessment and coaching. *Assessment for Effective Intervention*, 44(2), 81-94. <https://doi.org/10.1177/1534508418772919>
- Ellis, D., & Haugan, M. (1997). Modelling the information seeking patterns of engineers and research scientists in an industrial environment. *Journal of Documentation*, 53(4), 384–403. <https://doi.org/10.1108/EUM0000000007204>
- Giangrande, N., White, R. M., East, M., Jackson, R., Clarke, T., Coste, M. S., & Penha-Lopes, G. (2019). A competency framework to assess and activate education for sustainable development: addressing the UN sustainable development goals 4.7 challenge. *Sustainability (Switzerland)*, 11(10), 1–16. <https://doi.org/10.3390/su11102832>

- Gotch, C. M., & McLean, C. (2019). Teacher outcomes from a statewide initiative to build assessment literacy. *Studies in Educational Evaluation*, 62, 30-36. <https://doi.org/10.1016/j.stueduc.2019.04.003>
- Green, F. (2019). An Exploration into the value of formative assessment and the barriers associated with the implementation of formative strategies. In *Rethinking Teacher Education for the 21st Century* (pp. 203–222). <https://doi.org/10.2307/j.ctvpb3xhh.17>
- Hartell, E. (2018). Teachers' self-efficacy in assessment in technology education. In *Handbook of Technology Education* (pp. 785–800). <https://doi.org/10.1007/978-3-319-44687-5>
- Iftikhar Ahmad, & Rifaqat Ali Akbar. (2020). Examining relationship between self-efficacy beliefs of elementary level English teachers and their implementation practices of formative assessment in Punjab. *Review of Education, Administration & LAW*, 3(2), 123-134. <https://doi.org/10.47067/real.v3i2.44>
- Jonglai, S. A., Pike, M., & Lamb, M. (2021). Formative assessment: the Malaysian english language primary school teachers' pedagogical beliefs and values. *International Journal of English Language Studies*, 3(4), 52-66. <https://doi.org/10.32996/ijels.2021.3.4.5>
- Kahveci, A., Kahveci, M., Mansour, N., & Alarfaj, M. M. (2018). Exploring science teachers' affective states: pedagogical discontentment, self-efficacy, intentions to reform, and their relationships. *Research in Science Education*, 48(6), 1359–1386. <https://doi.org/10.1007/s11165-016-9606-y>
- Koloi-Keaikitse, S. (2017). Assessment of teacher perceived skill in classroom assessment practices using IRT Models. *Cogent Education*, 4(1), 1–14. <https://doi.org/10.1080/2331186X.2017.1281202>
- Ling Lin, Mohamad Nizam Nazarudin, & Zakiah Noordin. (2019). Kepuasan kerja dan efikasi guru tingkatan enam di pantai barat Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 51–66. <https://doi.org/10.35631/ijepc.432006>
- Melo, A. A., Tortato, U. & Mussi, F. B. (2020). Sustainable behavior and its antecedents: a systematic literature review. In *Universities and Sustainable Communities: Meeting the Goals of the Agenda 2030* (pp. 247–257).
- Mohd Zainal Abidin Che Mood, Mohd Asri Abdul Rahman, Cheong, L. S., & Zaharah Hussin. (2017). Hubungan kecerdasan emosi terhadap efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di institut pendidikan guru kampus ilmu khas. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*, XXXIV, 1–15.
- Nor Hazidah Julaihi, Liew Chin Ying, Voon Lili, & Syah Runniza Ahmad Bakri. (2020). Confidence level and self-efficacy beliefs of mathematics teachers: evidence from Sarawak. *International Journal of Service Management and Sustainability* 4(2): 1-23
- Nurul Aliah Farisha Jamaludin, Mohamad Azmarul Danish Azman & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2019). Matlamat pembangunan mapan (SDGs) dan agenda perbandaran baru 2030 dalam konteks malaysia. *Persidangan Siswa Usuluddin, Falsafah Dan Pengajian Islam*, April, 226–236.
- Perera, H. N., Calkins, C., & Part, R. (2019). Teacher self-efficacy profiles: determinants, outcomes, and generalizability across teaching level. *Contemporary Educational Psychology*, 58(February), 186–203. <https://doi.org/10.1016/j.cedpsych.2019.02.006>
- Siti Eshah Mokhsein. (2018b). Education for sustainable development (ESD) in Malaysia: policy, program and evaluation. *International Conference on Current Issues in Education (ICCIE 2018)*, 326, 6–12. <https://doi.org/10.2991/iccie-18.2019.2>
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy: capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783–805. [https://doi.org/10.1016/S0742-051X\(01\)00036-1](https://doi.org/10.1016/S0742-051X(01)00036-1)
- Xiang, X., Yum, S., & Lian, R. (2020). Teachers' self-efficacy and formative assessment of students: moderating role of school goal structure. *Social Behavior and Personality*, 48(6), 1-13. <https://doi.org/10.2224/sbp.9208>
- Yan, Z., & Cheng, E. C. K. (2015). Primary teachers' attitudes, intentions and practices regarding formative assessment. *Teaching and Teacher Education*, 45, 128–136. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2014.10.002>